

Edar dadah di pangsapuri

Dua lelaki ditahan hasil risikan tiga bulan

METRO ALTAH 16/05/2010 M/S 11

>>Oleh RUDY SYAREM SHERIFFUDIN
am@hmetro.com.my

GEORGETOWN: Penahanan dua lelaki yang sibuk berurusan di dadah di tepi jalan akhirnya membongkar kegiatan memproses, mengedar dan menjual dadah jenis heroin bernilai hampir RM2 juta di pangsapuri mewah di Bukit Jambul, di sini, malam kelmarin.

Kedua-dua lelaki berusia 40-an itu ditahan kira-kira jam 3.30 petang di kawasan Jelutong oleh sepasukan anggota polis Cawangan Narkotik, Bukit Aman dan Kontinjen negeri selepas melakukan risikan serta paman-taan sejak tiga bulan lalu.

Ketua Polis Negeri, Datuk Ayub Yaakub, berkata ini antara rampasan terbesar dadah pada tahun ini dan sindiket berkenaan dipercayai beroperasi sebagai pengedar dadah jenis heroin dengan semua bekalan dipercayai untuk edaran pasaran tempatan serta negeri lain.

Katanya, ketika kedua-dua suspek ditahan, polis menemui 4.5 kilogram dadah jenis heroin dan hasil soal siasat dilakukan membawa kepada pemeriksaan di sebuah pangsapuri di tingkat empat yang dijadikan makmal haram dadah di Bukit Jambul, kira-kira jam 7.30 malam.

"Polis menemui pelbagai jenis dadah, termasuk heroin seberat 27.9 kilogram, kafein 85 kilogram, ketamin 460

gram, bahan perisa 24 botol, pembersih enam botol dan beberapa peralatan memproses dadah seperti ketuhar, dulang, dapur dan tong gas.


"Siasatan mendapati sindiket beroperasi di pangsapuri mewah yang hanya menggunakan kad akses untuk keluar dan masuk, termasuk sistem kawalan keselamatan ketat, sekali gus menyukarkan polis menghidu kegiatan memproses dadah dijalankan secara terancang," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri, di sini, semalam.

Ayub berkata, polis turut merampas dua kereta jenis Honda Civic dan Hyundai Atoz yang dipercayai digunakan kedua-dua suspek

yang kini ditahan reman untuk siasatan lanjut manakala kes disiasat mengikut Seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952.

Katanya, harga pasaran dadah dianggarkan bernilai RM1.95 juta dan seorang daripada suspek mempunyai tiga rekod kesalahan jenayah lampau termasuk kes mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja mendatangkan kecederaan dan Seksyen 394 kanun sama iaitu samun.

Katanya, seorang daripada suspek yang bekerja sebagai penjual cakera video padat juga mempunyai kes membabitkan dadah dan polis masih meneruskan siasatan untuk mengetahui sejauh mana aktiviti sindiket



RAMPASAN... Ayub (tiga dari kanan) melihat dadah jenis heroin dan ketamin serta peralatan memproses dadah yang dirampas, semalam.

dadah itu. "Polis juga melakukan siasatan sama ada pangsapuri yang didiami ini disewa atau sebaliknya, termasuk mengenal pasti pemilik rumah berkenaan," katanya.

Ayub berkata, bagi tempoh dari Januari hingga Mac lalu, polis merampas 6,250 kg heroin dengan tangkapan membabitkan 4,289 orang yang akan didakwa mengikut pelbagai kesalahan dadah.